

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pegawai itu _____ wartawan itu bahawa Program Pemimpin Bertemu dengan Rakyat akan diadakan pada bulan hadapan.
A melaporkan C memberitahu
B menyatakan D menghuraikan
2. Gelandangan yang berpakaian _____ itu dibawa ke rumah kebajikan di Kuala Lumpur.
A kusut-masai C carut-marut
B compang-camping D mundur-mandir

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Kami berasa seram sebaik sahaja lewat bangunan usang itu.
II Amir ditegur oleh Cikgu Arifin kerana datang lewat ke sekolah pada pagi itu.
III Qaiser masih belum tidur walaupun sudah lewat malam kerana belum mengantuk.
IV Tapak sejarah itu akan kami lewat pada minggu hadapan dengan guru Sejarah sekolah kami.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D I, III, dan IV sahaja
4. I Gulai ikan itu tawar kerana kakak terlupa untuk membubuh garam.
II Dia berasa tawar hati untuk menyertai sebarang pertandingan menulis esei itu.
III Warna baju yang dipakai oleh Hazim sudah tawar kerana lama dipakai.
IV Nyanyian penyanyi baharu itu sangat tawar sehingga menerima kritikan yang hebat daripada para juri.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Murid itu akan berjumpa guru kaunseling sekolahnya untuk mendapatkan nasihat mengenai masalah yang dihadapinya.
A berjumpa dengan guru kaunseling
B menjumpai guru kaunseling
C berjumpa akan guru kaunseling
D berjumpa guru kaunseling
6. Oleh kerana cuaca tidak menentu, ekspedisi mendaki bukit itu terpaksa dibatalkan.
A Oleh kerana cuaca bukan menentu
B Oleh sebab cuaca tidak menentu
C Oleh sebab cuaca bukan menentu
D Oleh kerana cuaca tidak menentu

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Bola yang ditendang Safawi mengenai palang gol pasukan lawan.
II Graduan diingatkan agar tidak memilih pekerjaan kerana hal ini merugikan diri sendiri.
III Ahli panel itu membincangkan tentang masalah remaja pada masa ini.
IV Pengumpul barangan antik itu memiliki koleksi lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee dalam bentuk piring hitam.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
8. I Kita bersyukur kerana dilahirkan di sebuah negara yang aman dan makmur.
II Bapa saudara saya mengajak saya datang ke rumahnya pada minggu hadapan.
III Cikgu Asyraf marah sikap murid itu yang bukan sahaja pemalas tetapi pengotor.

IV Kehidupan penoreh getah semakin sukar kerana harga getah jatuh dari masa ke semasa.

- A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Kedatangan pekerja asing tidak harus dilihat mendatangkan kesan negatif sahaja kerana mereka berperanan penting untuk merencanakan pembangunan ekonomi negara kita.

- A Untuk merencanakan pembangunan ekonomi negara kita, kedatangan pekerja asing tidak harus dilihat mendatangkan kesan negatif sahaja.
B Tidak harus dilihat mendatangkan kesan negatif sahaja kedatangan pekerja asing kerana mereka berperanan penting untuk merencanakan pembangunan ekonomi negara kita.

C Kita tidak harus melihat pembangunan ekonomi negara kita rancak akibat kedatangan pekerja asing kerana mereka mendatangkan banyak kesan negatif.

D Kedatangan pekerja asing berperanan penting untuk merencanakan pembangunan ekonomi negara kita walaupun banyak kesan negatif yang timbul.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya semalam, barulah Sen Kong sesal akan sikapnya yang enggan mendengar nasihat ibu bapanya agar tidak menunggang motosikal dengan laju.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa seperti di bawah ini.

- A Sudah jatuh ditimpa tangga
B Baling batu sembunyi tangan
C Sudah terhantuk baru tengadah
D Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan